

# Kubur dua pahlawan digali semula esok

## Jasad Ngah Ibrahim, Mohamad Amin akan disemadi di Perak

**S**INGAPURA: Pusara dua pahlawan Melayu. Orang Besar Jajahan Hilir Perak Tengku Menteri Ngah Ibrahim dan bapa mentuannya, Laksamana Mohamad Amin Alang, yang meninggal dunia kira-kira seabad lalu, akan digali Khamis ini.

Jurucakap Agensi Alam Sekitar Negara (NEA) berkata, proses menggali dua pusara itu akan dilakukan serentak.

NEA adalah agensi yang meluluskan kerja menggali pusara Ngah Ibrahim di Pusara Al-Junied dan Mohamad Amin di Pusara Amah di Lim Chu Kang, yang terletak kira-kira 20 kilometer antara satu dengan lain.

Ahli arkeologi dari Jabatan Warisan Negara dan kakitangan Warees Investments Pte Ltd sudah membuat persiapan sewajarnya di dua pusara berkenaan bagi urusan itu.

Warees Investments, anak syarikat Majlis Agama Islam Singapura, adalah syarikat yang diberi tanggungjawab menguruskan proses menggali dua kubur berkenaan.

"Hari ini kami bersihkan kawasan sekeliling dan menanda kedudukan pusara berkenaan sebelum menjalankan kerja menggali," kata Penolong Pegawai Warisan, Jabatan Warisan Negara, Zainal Abidin Abdul Aziz, di sini, semalam.

Antara yang dijangka hadir bagi menyaksikan kerja menggali pusara Ngah Ibrahim ialah Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Datuk Dr Wan Mohamed Isa Wan Ahmad, 61, yang juga cicit

Allahyarham.

Selepas kerja penggalian, jasad



**BUKTI SEJARAH:** Ahli arkeologi dari Jabatan Warisan Negara dan kakitangan Warees Investments Pte Ltd membuat persiapan bagi urusan penggalian pusara Orang Besar Jajahan Hilir Perak, Tengku Menteri Ngah Ibrahim di Pusara Al-Junied, Jalan Kubur, Singapura, semalam.

dua pahlawan Melayu itu akan dibawa ke Malaysia dengan kapal Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) *KD Laksamana* ke Pangkalan TLDM di Lumut. Perak sebelum jasad Ngah Ibrahim disemadikan di Kompleks Muzium Matang manakala jasad Mohamad Amin disemadikan di Makam

Diraja Perak di Kuala Kangsar.

Ngah Ibrahim dan Mohamad Amin adalah antara pahlawan Melayu yang terbabit dengan pembunuhan Residen British, JWW Birch di Pasir Salak pada November 1875.

Akibat tindakan mereka, dua pahlawan itu bersama beberapa pejuang

lain, ditangkap dan dibuang daerah ke Seychelles, sebelum dihantar ke Sarawak dan selepas itu ke Singapura.

Ngah Ibrahim kembali ke Rahmatullah pada 4 Februari 1895 manakala Mohamad Amin pada 1908. - BERNAMA.